

25/04/1997

Dunia Islam dan kerjasama global

Abdurrahman Haqqi

APA reaksi anda jika ada yang mentakrif Islam sebagai `penolakan sepenuhnya terhadap Tuhan yang benar dan janji ajaran Alkitab, pengingkaran terhadap doktrin teologi penebusan dosa dan doktrin moraliti'? Sudah tentu, sebagai Muslim, anda akan menolak secara total takrifan berkenaan sama ada penolakan secara ekstrim, sederhana mahupun pasif terpulang kepada kadar iman yang anda miliki.

Saya tidak mengada-adakan takrifan terpesong mengenai Islam di atas malahan masih banyak lagi takrifan serupa bahkan lebih teruk. Takrifan di atas telah diberikan oleh sarjana, pemikir dan pembela agama Kristian pada abad ke-17 yang bernama Gisbertus Voetius (w. 1676) dari Universiti Utrecht (Karel Steenbrink (1993): 50).

Bahang daripada takrifan Voetius berkenaan dan yang semacamnya sampai sekarang masih kita rasakan. Masyarakat Barat pada umumnya masih mempunyai pemikiran bahawa Islam adalah musuh mereka terbesar dan paling menakutkan. Mereka masih trauma dengan kekalahan mereka dalam Perang Salib di mana umat Islam dapat merebut kembali Kota Yerusalem pada tanggal 2 Oktober 1187 setelah kota terbabit jatuh ke tangan mereka pada tanggal 15 Julai 1099.

Pandangan mengenai Islam di atas oleh masyarakat Barat adalah salah satu pola pemikiran mereka yang mengatakan bahawa kaum Muslimin adalah orang sesat yang tidak disukai. Pola-pola pemikiran lainnya adalah bahawa kaum Muslimin adalah orang sesat yang dihormati; kaum Muslimin adalah musuh semulajadi Kristian dan kaum yang tidak dapat dipercayai dan fanatik; dan Islam sebagai agama sesat, terkebelakang dan penuh tahyul.

Sifat-sifat tidak bersahabat di atas baru-baru ini terbukti lagi dengan dedahan sebuah organisasi di Amerika Syarikat (CAIR) yang menunjukkan kepada kita bagaimana diskriminasi terhadap umat di Amerika semakin meningkat. Sebelum itu, di Jerman juga ada sebuah kejadian yang tidak lepas dari pola-pola pemikiran masyarakat Barat terhadap Islam dan umat Islam warisan sejarah.

Seorang ketua gereja dekat bandar Duisburg, Jerman, bernama Dietrich Reuter sedang bertungkus lumus untuk melarang suara azan diperdengarkan dari 37 masjid dan surau di bandarnya. Salah satu alasan yang diberikannya adalah bunyi azan terlalu asing pada pendengaran mereka. Lihat, bagaimana dengan suara azan saja mereka sudah berasa runsing dan bimbang.

Andainya pandangan di atas hanya pandangan peribadi Reuter, maka ia mungkin suatu permasalahan biasa yang tak akan seteruk jika ia juga disokong oleh parti pemerintah dan beberapa parti ulama lainnya. Diberitakan bahawa parti pemerintah pimpinan Helmut Kohl, Kaunselor Jerman, Christian Democratic Union (CDU) di peringkat daerah menyokong `perjuangan suci' Reuter ini.

Sangat disayangkan bahawa dalam era Global Village ini masih ada perkara-perkara yang tidak masuk akal di atas walaupun dalam realitinya boleh berlaku. Dan yang lebih menggelikan lagi adalah sikap wira demokrasi dunia yang selalu menutup mata terhadap kesalahan mereka. Mereka mengamalkan pepatah Melayu `Gajah di depan mata tak nampak, semut di seberang lautan nampak'. Mereka selalu menuding kita dengan segala kekurangan dan mereka selalu menganggap diri mereka mempunyai kelebihan. Mereka adalah `super power' manakala kita adalah `powerless'.

Untuk itu, memang suatu kegiatan yang tepat, bererti dan membawa faedah yang besar apa yang dilakukan Institusi Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

yang bekerjasama dengan the Oxford Center for Islamic Studies dalam mengadakan simposium Antarabangsa dunia Islam dan Kerjasama Global di Hotel Sunway Lagoon Resort dekat Petaling Jaya. Simposium yang akan berlangsung mulai hari ini hingga Ahad, 27 April nanti akan dirasmikan pembukaanya oleh seorang wira wawasan dunia Islam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia akan dihadiri oleh 120 sarjana, pemikir dan cendekiawan serta dunia. Diharapkan bahawa cara-cara dan pendekatan-pendekatan dalam merealisasikan kerjasama global dapat dihasilkan di bumi Malaysia.

Dalam Islam, walau apapun yang terjadi dan yang menimpa kita kerana karenah orang lain, kita diminta untuk bersabar malah kita disuruh untuk memaafkan (HR. al-Bukhari dan Muslim). Ini bertujuan mencipta masyarakat sentosa, aman dan sejahtera. Untuk itu, walaupun kita telah mengalami pengalaman getir ketika berdepan dengan Barat dulu, sekarang dan masa hadapan, kita harus menunjukkan kebesaran hati dan jiwa kita selama ia tidak membawa kepada kekufuran.

Jika mereka ingin berdamai dan mencari kerjasama memang ajaran Islam menganjurkan untuk menerimanya dan jangan bimbang dan takut akan akibatnya selama kita mengamalkan prinsip tawakal. Allah berfirman maksudnya: "Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Ia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Dan jika mereka bertujuan hendak menipumu, maka sesungguhnya cukuplah Allah (menjaga dan memberikan perlindungan) kepadamu. Dialah yang menguatkanmu dengan pertolonganNya dan dengan (sokongan) orang-orang yang beriman" (QS. al-Anfal: 61-2).

Dengan simposium bertaraf antarabangsa yang sering dianjurkan IKIM dalam rangka penerangan dan penjelasan Islam dan umatnya kepada dunia luar maka akan lebih berserlah lagi peranan Malaysia dalam mengembang tanggungjawab mempromosikan keadilan, toleransi dan persamaan dalam Islam sebagai agama rahmatan lil `alamin'.

(END)